KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	07.03.22	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	TNB			



DUA peniaga tiba di Kompleks Mahkamah Seremban semalam bagi mendapatkan perintah lanjutan reman.

Reman peniaga sogok pegawai TNB dilanjut

SEREMBAN – Tempoh reman ke atas dua peniaga yang disyaki cuba menawarkan rasuah kepada pegawai Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi menutup aktiviti mencuri bekalan elektrik untuk melombong bitcoin dilanjutkan dua hari lagi.

Perintah reman ke atas suspek berusia 49 dan 50 tahun bermula hari ini dan Selasa dikeluarkan Penolong Pendaftar, Mas Azmimin Ahmad di Mahkamah Khas Reman Seremban di sini semalam.

Sebelum ini, kedua-dua suspek direman enam hari bermula 1 Mac lalu bagi membantu siasatan.

Difahamkan, sejak Ogos 2021 hingga Januari lalu, suspek menawarkan wang RM75,000 kepada pegawai TNB Zon Selatan sebagai dorongan untuk melindungi aktiviti mencuri bekalan elektrik di beberapa premis di negeri ini yang melombong bitcoin.


10 individu direman kes beri suapan kepada pekerja TNB

KERATAN *Kosmo!* 2 Mac 2022.

Kedua-dua suspek ditahan di Pejabat SPRM Negeri Sembilan di sini pada pukul 3.30 petang, 28 Februari lalu.

Kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009.

KOSMO 070322_9

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4763 I Web : www.ketsa.gov.my

KeTSAMalaysia KeTSAMalaysia ketsa.malaysia